

HSBC's EliteWealth Plus

Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan (ILP)

Mengemudi Masa Depan Kewangan Anda



HSBC

Opening up a world of opportunity

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Kemudi Perjalanan Kewangan Anda dengan HSBC's EliteWealth Plus

Di dalam dunia yang sukar diramalkan ini, penyebaran portfolio anda dalam pelbagai aset akan memberikan manfaat kepada perancangan kewangan anda. Uruskan portfolio anda, ambil peluang ke atas fleksibiliti, dan raih ganjaran untuk mencapai matlamat kewangan anda. **HSBC's EliteWealth Plus** direka untuk menyokong perjalanan anda untuk mencapai aspirasi dan memperkasakan masa depan anda. Tidak kira ke mana sahaja arah tuju kekayaan yang anda bayangkan, nikmati kebebasan dan fleksibiliti pelan yang direka khas untuk menyokong matlamat hidup anda.

Penjanaan Kekayaan Secara Mudah

Bina kekayaan anda dengan jaringan keselamatan – HSBC's EliteWealth Plus merupakan satu pelan insurans berkaitan pelaburan (ILP) premium berkala yang menyediakan pilihan tempoh pembayaran 6 tahun dengan peruntukan premium 100%¹ dan perlindungan sehingga umur 100 tahun. Mulakan secara hebat dengan 100% daripada premium¹ anda dilaburkan sejak hari pertama dan kami akan memperkasakan pelaburan anda dengan Loyalty Bonus sebagai ganjaran untuk komitmen anda, dengan syarat anda telah membayar premium berkala anda dengan sepenuhnya sehingga tarikh semasa dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tarikh pembayaran Loyalty Bonus. Tambahan pula, anda juga bebas untuk menikmati keuntungan anda dengan mudah tanpa penalti pengeluaran separa⁴!

Pada masa yang sama, ILP ini memberikan anda ketenangan fikiran dan keyakinan untuk mengharungi cabaran hidup dan mengetahui bahawa keluarga anda tetap dijaga dengan baik dengan menawarkan perlindungan kematian sehingga umur 100 tahun. Selain daripada perlindungan kewangan, anda dapat mengawal secara sendiri portfolio pelaburan anda dengan pelbagai jenis dana berkaitan pelaburan yang selari dengan matlamat kewangan unik dan toleransi risiko anda sepanjang tempoh pembayaran, dengan memanfaatkan pemurataan kos dolar melalui sumbangan premium berkala.

Perjalanan Kekayaan Anda Bermula Di Sini

Sama ada untuk mencapai impian anda, membiayai pendidikan tinggi anak anda di luar negara atau mencipta impian untuk generasi masa depan, produk ini akan membantu anda untuk mencapai semua matlamat ini. Tingkatkan kekayaan anda dan pastikan keuntungan anda terjamin dengan **HSBC's EliteWealth Plus**.

Manfaat Utama HSBC's EliteWealth Plus



Peruntukan Premium 100%¹ untuk Pertumbuhan Nilai

Dengan 100% kadar peruntukan premium¹, setiap ringgit yang anda laburkan akan diperuntukkan serta merta ke dalam dana yang dipilih – di mana ia akan bekerja untuk anda. Ini bermakna pelaburan anda bermula dengan besar dari hari pertama bagi memaksimumkan potensi peningkatan pelaburan anda, yang boleh menjadi kelebihan signifikan berbanding ILP lain yang mempunyai kadar peruntukan yang lebih rendah.



Tawaran Terbitan Terjamin (GIO)

Pendaftaran yang mudah. Tiada pemeriksaan perubatan atau pengisytiharan kesihatan diperlukan apabila anda memohon untuk ILP ini. Premium Asas Tahunan (ANP) minimum bermula dari RM20,000 sehingga amaun maksimum sebanyak RM500,000 bagi setiap hayat².



Tingkatkan Pelaburan Anda dengan Loyalty Bonus

Apakah yang lebih baik lagi? Selain daripada potensi peningkatan dan perlindungan kewangan, kami juga meningkatkan pelaburan anda dengan Loyalty Bonus.

Terdapat 2 pilihan yang disediakan untuk Loyalty Bonus: "One-Off" atau "Step-Up". Ambil peluang ke atas fleksibiliti ini untuk membuat pilihan berdasarkan keutamaan peribadi anda. Pilihan One-Off menawarkan Loyalty Bonus bersamaan dengan 22% daripada ANP anda pada akhir Tahun Polisi ke-6, manakala Pilihan Step-Up pula menawarkan Loyalty Bonus yang bersamaan dengan jumlah sebanyak 25% daripada ANP anda pada akhir Tahun Polisi 3, 6 dan 9 (digabungkan bersama), dengan syarat tiada pengeluaran daripada Nilai Akaun dibuat dan semua Premium dibayar sepenuhnya sehingga tarikh semasa sebelum pembayaran Loyalty Bonus. Kami meraikan pencapaian anda dengan Loyalty Bonus eksklusif untuk anda sebagai ganjaran atas kepercayaan dan komitmen anda dalam membuat pembayaran premium secara konsisten sepanjang perjalanan kewangan anda bersama kami.



Tempoh Pembayaran Terhad, Perlindungan Sepanjang Hayat

Tempoh pembayaran premium terhad selama 6 tahun memudahkan anda untuk mengurus aliran tunai dan komitmen kewangan anda sambil memperolehi manfaat daripada dana pelaburan dan perlindungan kematian sehingga umur 100 tahun. Ianya adalah jaringan keselamatan yang boleh dipercayai untuk anda dan orang yang anda sayangi.



Pelaburan yang Konsisten, Memberikan Pulangan untuk Matlamat Jangka Sederhana dan Jangka Panjang

Dengan memanfaatkan kaedah pembayaran premium berkala, anda melabur dengan strategi pemurataan kos dolar yang membantu mengurangkan risiko dan meminimumkan kesan ketidakpastian pasaran. Anda juga boleh menyesuaikan portfolio anda melalui penukaran dana agar selaras dengan toleransi risiko dan matlamat kewangan anda dari semasa ke semasa. Nikmati potensi peningkatan³ daripada dana-dana yang diuruskan secara profesional. Tambahan pula, anda boleh menikmati pengeluaran keuntungan yang lancar tanpa penalti pengeluaran separa⁴ — bagi membantu anda menyimpan lebih banyak keuntungan hasil titik peluh anda.



Pembahagian Kekayaan yang Mudah

Salurkan sebahagian daripada kekayaan anda kepada benefisiari yang dinamakan oleh anda tanpa perlu melalui proses pengagihan harta. Yakinlah bahawa keperluan kewangan benefisiari anda akan dipenuhi sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

Nota:

¹ Yuran dan caj akan dikenakan. Sila rujuk kepada bahagian Caj Produk untuk butiran lanjut.

² ANP Maksimum sehingga RM500,000 bagi setiap hayat diagregatkan dengan HSBC's EliteWealth dan sebarang produk terbitan terjamin yang mungkin ditentukan oleh kami. Tertakluk kepada terma dan syarat.


³ Potensi peningkatan pelaburan adalah tidak terjamin dan mungkin berubah mengikut prestasi pelaburan sebenar dana-dana yang dipilih.

⁴ Penalti Pengeluaran akan dikenakan jika baki Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah kurang daripada jumlah Premium yang dibayar. Amaun pengeluaran minimum adalah RM10,000 bagi setiap pengeluaran dengan syarat baki minimum Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah sebanyak RM1,000.

Inilah cara bagaimana HSBC's EliteWealth Plus boleh membantu meningkatkan kekayaan dan menjamin masa depan anda

En. Adam, berusia 45 tahun, telah mendaftar dengan HSBC's EliteWealth Plus untuk mengukuhkan matlamat kewangannya sambil mendapat perlindungan.

- ANP: RM100,000 setahun
- Tempoh Pembayaran: 6 tahun
- Tempoh Perlindungan: Sehingga umur 100 tahun (bersamaan dengan perlindungan selama 55 tahun)
- Pilihan Loyalty Bonus: Step-Up
- Dana: 100% dalam Dana Terurus Allianz Life



Nota untuk ilustrasi:

1. Ilustrasi di atas adalah berdasarkan senario tinggi pada kadar pulangan 5% setahun. Kadar pulangan yang diilustrasikan adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada cukai pelaburan dan Caj Pengurusan Dana. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk unjuran pada senario kedua-dua kadar pulangan tinggi dan rendah.
2. Jika kematian berlaku semasa Tahun Polisi 1, manfaat kematian adalah yang lebih tinggi antara: 1) 100% daripada jumlah Premium asas yang dibayar tambah 100% Premium Tambahan Ad Hoc (jika ada) tolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau 2) 100% daripada Nilai Akaun. Bagi Tahun Polisi 2 dan seterusnya, manfaat kematian adalah yang lebih tinggi antara: 1) amaun diinsuranskan tambah 100% Premium Tambahan Ad Hoc (jika ada) tolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau 2) 100% daripada Nilai Akaun.

Ringkasan Produk

Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan	15 hari hingga 70 tahun (hari lahir yang terdekat)	
Tempoh Bayaran	6 tahun	
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 100 tahun	
Premium Asas Tahunan (ANP)	Minimum: RM20,000 Maksimum: RM500,000 ²	
Kadar Peruntukan	100% (ANP)	
Amaun Diinsuranskan	Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan (Hari Lahir Terdekat)	% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar
	15 hari – 55 tahun	115%
	56 – 70 tahun	105%
Manfaat Kematian	Tahun Polisi 1 Yang lebih tinggi antara: a) 100% daripada jumlah Premium asas yang dibayar tambah 100% Premium Tambahan Ad Hoc (jika ada), ditolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau b) 100% daripada Nilai Akaun Tahun Polisi 2 dan seterusnya Yang lebih tinggi antara: a) Amaun diinsuranskan tambah 100% Premium Tambahan Ad Hoc (jika ada), ditolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau b) 100% daripada Nilai Akaun	
Loyalty Bonus	Pilihan One-Off: Akhir tahun polisi ke-6: 22% daripada ANP Pilihan Step-Up: Akhir tahun polisi ke-3: 5% daripada ANP Akhir tahun polisi ke-6: 8% daripada ANP Akhir tahun polisi ke-9: 12% daripada ANP Nota: - Dengan syarat tiada pengeluaran daripada Nilai Akaun telah dibuat dan semua Premium dibayar sepenuhnya sehingga tarikh semasa sebelum pembayaran Loyalty Bonus. - Sebarang pengurangan dalam ANP akan diambil kira dalam pengiraan. - Pilihan yang dibuat akan digunakan untuk keseluruhan tempoh polisi & tidak boleh diubah.	
Manfaat Kematangan	100% daripada Nilai Akaun	
Pengurangan Premium	Sebarang pengurangan premium adalah tidak dibenarkan dalam dua (2) tahun polisi yang pertama. Mulai tahun polisi ketiga (ke-3) dan seterusnya, jumlah keseluruhan pengurangan premium sepanjang tempoh perlindungan polisi tidak boleh melebihi tiga puluh peratus (30%) daripada premium asal pada Tarikh Terbitan.	
Caj Wajib		
Kos Insurans	Berdasarkan Jumlah Berisiko, umur yang dicapai, dan jantina Orang yang Diinsuranskan	
Caj Perkhidmatan Bulanan	RM8.00 sebulan	
Caj Tambahan	Caj tambahan akan dikenakan secara bulanan pada setiap awal bulan melalui potongan unit.	
	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)
	1	3.5%
	2 – 6	2.5%
	7 – 10	1.5%
	11 ke atas	0.0%
Caj Pengurusan Dana	Dari 0.75% sehingga 1.50% setahun, bergantung kepada pilihan dana anda.	

Ringkasan Produk (sambungan)

Caj Bersyarat											
Caj Percutian Premium	Caj percutian premium akan dikenakan untuk polisi dalam percutian premium.										
	<table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>% daripada Nilai Akaun (setahun)</th></tr><tr><td>1 – 6</td><td>2.5%</td></tr><tr><td>7 – 10</td><td>1.5%</td></tr><tr><td>11 ke atas</td><td>0.0%</td></tr></table>	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)	1 – 6	2.5%	7 – 10	1.5%	11 ke atas	0.0%		
	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)									
	1 – 6	2.5%									
	7 – 10	1.5%									
11 ke atas	0.0%										
Penalti Serahan	Semasa penyerahan, caj akan dikenakan seperti berikut:										
	<table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>% daripada Nilai Akaun</th></tr><tr><td>1</td><td>25.0%</td></tr><tr><td>2</td><td>10.0%</td></tr><tr><td>3 – 5</td><td>5.0%</td></tr><tr><td>6 ke atas</td><td>0.0%</td></tr></table>	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun	1	25.0%	2	10.0%	3 – 5	5.0%	6 ke atas	0.0%
	Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun									
	1	25.0%									
	2	10.0%									
3 – 5	5.0%										
6 ke atas	0.0%										
Penalti Pengeluaran	Semasa pengeluaran, caj akan dikenakan seperti berikut:										
	<table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>% daripada Amaun Pengeluaran</th></tr><tr><td>1</td><td>25.0%</td></tr><tr><td>2</td><td>10.0%</td></tr><tr><td>3 – 5</td><td>5.0%</td></tr><tr><td>6 ke atas</td><td>0.0%</td></tr></table>	Tahun Polisi	% daripada Amaun Pengeluaran	1	25.0%	2	10.0%	3 – 5	5.0%	6 ke atas	0.0%
	Tahun Polisi	% daripada Amaun Pengeluaran									
	1	25.0%									
	2	10.0%									
3 – 5	5.0%										
6 ke atas	0.0%										
Yuran Pertukaran Dana	Nota: - Penalti Pengeluaran akan dikenakan jika baki Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah kurang daripada jumlah Premium yang dibayar. - Amaun pengeluaran minimum adalah RM10,000 dan baki minimum Nilai Akaun selepas pengeluaran adalah sebanyak RM1,000.										
	Lima (5) pertukaran percuma bagi setiap tahun polisi. Pertukaran seterusnya dalam tahun polisi yang sama akan dicaj RM10 setiap pertukaran.										

Nota Penting

- Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut.
- Manfaat-manfaat adalah tertakluk kepada pengecualian, sila rujuk kepada klausa pengecualian dalam PDS. Anda boleh rujuk kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
- Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (ALIM) berhak untuk menyemak semula yuran dan caj serta terma dan syarat polisi pelan insurans ini. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai apa-apa pindaan yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premium yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah berdasarkan kemampuan anda. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan anda tidak dinasihatkan untuk menyerahkan polisi anda pada tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
- Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan permintaan bertulis kepada ALIM dan mengembalikan polisi tersebut kepada ALIM dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan polisi oleh anda. ALIM akan mengembalikan kepada anda nilai Unit-unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan Harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya, sebarang Kos Insurans, Caj Perkhidmatan Bulanan dan Caj Tambahan yang telah ditolak dengan perbelanjaan yang dikenakan untuk pemeriksaan perubatan (jika ada).
- Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika pemegang polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.

Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan kepada prestasi aset-aset dasarnya, dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Diunderait oleh:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM